

# Pujian melulu dan kritik membina

APABILA Dr. Mahathir Mohamad menegur para perwakilan pada akhir Perhimpunan Agung UMNO 1994 minggu lalu, teguran itu seolah-olah telah saya jangkakan awal lagi.

Memuji seseorang secara bersemuka sebenarnya merupakan seni yang amat sukar, memerlukan kehalusan kerja seorang pengukur dan kelunakan bahasa seorang penyair.

Bila pujian-pujian dilakukan dengan gaya yang tidak lunak (lebih-lebih lagi kurang tulus), maka pujian itu hanya akan menjadikan orang yang dipuji berasa kurang selesa.

Pada waktu-waktu pujian yang kadangkala agak keterlaluan itu diucapkan sepanjang perhimpunan, Dr. Mahathir memang jelas kelihatan tersenyum. Namun kita tidak perlu mempunyai kepekaan dan kehalusan rasa seorang seniman untuk menyedari bahawa senyumannya itu sebenarnya senyuman yang kurang selesa.

Bagi seorang pemerhati yang 'berkecuali' seperti saya, pujian-pujian itu jelas mengingatkan saya bahawa perhimpunan tahun ini adalah perhimpunan pra-pilihanraya.

Alasan yang dikemukakan oleh Dr. Mahathir bagi menegur puji-pujian itu juga, saya kira, cukup wajar. Pujian yang keterlaluan boleh menjadikan seorang pemimpin itu hilang pertimbangan, besar kepala, lalu membuat keputusan-keputusan yang tidak tepat atau tidak wajar.

Jika dikaji kehidupan para pemimpin negara yang akhirnya memerintah dengan kuasa kuku besi, melaksanakan dasar-dasar yang menyusahkan kehidupan rakyat, menjerumuskan negaranya ke dalam kaneh peperangan yang tidak berfaedah dan memusnahkan negaranya, maka akan jelaslah bahawa para pemimpin yang demikian selalunya di kelilingi oleh para pengampu, tukang puji atau *flatterer*.

Pada mulanya, para pengampu itu mencurahkan pujian-pujian yang pada hakikatnya bertujuan untuk melaksanakan kepentingan dirinya sahaja. Oleh kerana pujian itu didasarkan pada kelemahan-kelemahan si pemimpin yang biasanya memang diketahui oleh si pemuji secara intim, maka mudahlah si pemimpin "termakan" pujian-pujian tersebut.

Maka mulailah si pemimpin itu hilang pertimbangannya. Mulailah dia mengambil alih kuasa yang bukan haknya, memberikan dirinya gelaran yang muluk-muluk yang menjadikannya melebihi sifat-sifat manusia biasa, dan melaksanakan dasar-dasar pemerintahan yang tidak realistik dan hanya menggambarkan taksiran diri pemimpin itu yang tidak lagi berjejak di alam nyata.

Halaman-halaman buku sejarah dunia penuh dengan watak-watak pemimpin yang demikian — mempunyai gelaran-gelaran rasmi seperti "pemimpin agung", "presiden seumur hidup", "fuhrer" dan sebagainya.

Pada mulanya watak-watak ini memang merupakan pemimpin yang memperjuangkan kemerdekaan negara, pembela martabat bangsa dan pembela nasib rakyat miskin yang menderita. Tetapi mereka akhirnya "dirosakkan" oleh para *flatterer* yang bertindak semata-mata demi kepentingan dan kerjaya masing-masing.

Amatlah menarik bahawa buku Zainuddin Maidin, *Mahathir Di Sebalik Tabir*, telah dijadikan bahan kritikan di

RUSTAM A. SANI

Kolum  
Isnin



perhimpunan itu kerana beberapa bahagian isi buku yang dirasakan kurang *faltering* terhadap Dr. Mahathir.

Dalam prakata yang saya sediakan untuk buku tersebut, kebetulan pula saya ada menyarankan agar lebih banyak karya yang secara kritis menilai sumbangan Dr. Mahathir dihasilkan oleh para penulis kita. "Kefahaman kita yang mendalam dan kritis tentang perwatakan, sikap, cita-cita Dr. Mahathir ... amat besar artinya dalam usaha memahami arah pertumbuhan masyarakat kita dan demi memantapkan lagi pertumbuhan itu pada masa hadapan. Kefahaman yang kritis terhadap seorang pemimpin besar seperti Dr. Mahathir, pada analisis terakhirnya, merupakan sumbangan yang lebih bererti kepada masyarakat (dan kepada pemimpin itu sendiri) daripada pujaan yang melulu."

## "Ekonomi buih"

Berdasarkan kenyataan Dr. Mahathir yang mempertahankan buku tersebut sebagai hak Zainuddin Maidin untuk mengemukakan pandangannya sendiri, dan berdasarkan tegurannya terhadap puji-pujian yang keterlaluan terhadap dirinya itu, nyatalah bahawa beliau bersetuju dengan sentimen yang diucapkan dalam petikan tersebut.

Namun demikian, Dr. Mahathir tidaklah perlu terlalu gusar akan puji-pujian yang keterlaluan dan usaha untuk mempengaruhi pertimbangannya melalui pujaan melulu itu.

Setelah segala unsur pemujaan melulu itu disaring dengan pertimbangan yang waras, maka saya kira masih banyak pandangan dan pendapat yang bernas lagi tulus yang telah dikemukakan oleh para perwakilan dalam perhimpunan itu.

Pada hemat saya, jika kita perlu menyimpulkan sentimen yang mencirikan perhimpunan tersebut, maka cirinya yang utama ialah nada penaksir dan mengingatkan.

Perhimpunan agung selama beberapa tahun yang terakhir ini, saya kira lebih banyak dicirikan oleh nada keyakinan dan kegirangan kita kerana DEB yang mulai memperlihatkan hasilnya yang diharap-harapkan (kegirangan yang digambarkan melalui konsep-konsep seperti "Melayu Baru", "meniti gelombang globalisasi" dan sebagainya).

Perhimpunan agung kali ini pula, secara sedar, mulai memperkatakan beberapa kesan sosial sampingan, baik yang disengajakan mahupun yang tidak disengajakan, terhadap masyarakat Melayu khususnya oleh hakikat terlaksananya beberapa cita-cita DEB itu.

Penumpuan tema perhimpunan kepada persoalan-persoalan sosial itu sendiri memperlihatkan bahawa pimpinan UMNO sendiri memang peka akan persoalan tersebut dan mahu parti menghadapi dan menanganinya secara serius.

Namun sebelum kegirangan dan sorak sorai, puji-pujian dan ketawa ria sewaktu perhimpunan itu hilang dari ingatan, maka perlulah kita secara tenang menyaring kembali beberapa pandangan dan sikap, kerisauan dan sentimen yang telah diluahkan di perhimpunan itu.

Sekadar contoh, perhatikan pandangan yang dikemukakan oleh Datuk Sarit Mohd. Yusoff yang mewakili badan perhubungan Pahang. Di samping menyatakan kegirangannya akan penglibatan orang Melayu yang lebih ketara dalam kegiatan ekonomi negara ini, dia juga mengemukakan banyak *cautionary notes* kepada para pemimpin UMNO dan negara.

Selain mengingatkan kita tentang beberapa kelemahan dan kepincangan dalam pelaksanaan dasar melahirkan komuniti perdagangan dan perindustrian bumiputera, dia juga telah mengingatkan tentang kemungkinan unsur-unsur "ekonomi buih" mencirikan golongan usahawan bumiputera baru yang telah kita lahirkan setakat ini. (Saya kira ingatan beliau itu amat relevan terutamanya pada ketika pasar saham merosot seperti sekarang ini. Kemungkinan meletusnya "buih" tersebut amatlah menggerunkan).

Malah Sarit telah menarik perhatian kita lebih jauh daripada itu. Dia mengajak UMNO supaya mengambil inisiatif menggembeng tenaga fikiran cendekiawan Melayu supaya merumuskan kembali perspektif tentang beberapa "persoalan Melayu" selain persoalan ekonomi, untuk memikirkan penampilannya yang sesuai bagi zaman ini, sekaligus menaksir sejauh mana kita telah menyimpang daripada perjuangan melaksanakan "persoalan Melayu" tersebut.

Menurut beliau, langkah ini amatlah penting, mengingat bahawa UMNO telah dilancarkan atas landasan "nasionalisme Melayu."

Pada hemat saya, memang banyak pandangan bersifat mengingatkan seperti ini yang dapat disaring daripada ucapan-ucapan para perwakilan di Perhimpunan Agung UMNO kali ini. Sebagai tindak balas terhadap pandangan-pandangan itu, kadangkala tidaklah memadai hanya dikemukakan pendekatan praktis seperti program Rakan Muda.

Ada antara pandangan itu yang menuntut pengkajian kembali beberapa dasar sosial kita secara makro dan mikro.

Untuk menghindari kesan buruk pemujaan melulu dan tidak tulus terhadap para pemimpin, pada hemat saya, para pemimpin sendiri perlulah membuktikan bahawa mereka sanggup memberikan perhatian yang sewajarnya lagi positif terhadap pandangan kritis yang membina seperti itu.

Jika para pemimpin lebih sering memberikan perhatian dan ganjaran kepada para pengampu yang memuji-muji, maka para pengampu itulah yang akan banyak berkerumun mengelilingi mereka.

■Rustam A. Sani adalah Pengerusi Eksekutif, Pascabarau (M) Sdn. Bhd.